

# Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

DIGITAL

## Kuala Lumpur Antara 13 "Future Cities" Yang Terpilih

Bersempena dengan sambutan Hari Wilayah 2002 yang telah diraikan baru-baru ini, satu lembaran baharu di dalam sejarah bandar raya Kuala Lumpur dicapai melalui program Future Cities National Initiative. Pelancaran pusingan pertama promo Future Cities telah dilaksanakan oleh Y.B. Datuk Pandikar Amin Bin Haji Mulia, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri pada 7 Januari 2002.

Inisiatif ini dimulakan dengan satu siri televisyen global, untuk mempromosi dan mengetengahkan kejayaan Kuala Lumpur di arena antarabangsa. Ini adalah usaha bersepadu antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Asia News Broadcasting (ANB) yang mana Program Future Cities : National Initiative merangkumi siri TV

Global Future Cities, Learning from Future Cities Conference, International Student Workshop Project, Future Cities National Seminar dan National Awareness Campaign.

DBKL juga telah menubuhkan satu jawatankuasa khas diketuai oleh Y. Bhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk menyusun pelan tindakan dan pelaksanaan untuk memastikan Kuala Lumpur mendapat manfaat maksimum daripada siri televisyen global dan juga persidangan antarabangsa ini.

Menjadi satu penghargaan kepada Kuala Lumpur dan negara keseluruhannya kerana mendapat kepercayaan menganjurkan Persidangan Antarabangsa iaitu Learning From Future Cities Conference" yang dianjurkan



Y.B. Datuk Pandikar Amin Bin Haji Mulia

bersama oleh ANB dan Asian Strategy and Leadership Institute (ASLI) dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) dan DBKL. Kita seharusnya berbangga kerana dipilih sebagai salah satu bandar "Future Cities" oleh konsortium antarabangsa dan jabatan sivil yang berprestij termasuk pihak Eisenhower Exchange USA.

### Perhimpunan Pagi Isnin Pada 4 Februari 2002

Y. Bhg. Kol. Datuk Mohamad Shahr Bin Mohd. Datuk Bandar Kuala Lumpur telah menyampaikan ucapan pada perhimpunan pagi, 4 Februari 2002, menekankan pentingnya kerja secara berpasukan antara Bahagian dan

Cawangan untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi. Kualiti kerja anggota DBKL juga perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi menjaga imej DBKL di mata warga kota. Anggota DBKL dinasihatkan agar tidak terlalu mementingkan diri sendiri dan mengabaikan tanggungjawab terhadap tugas yang telah diamanahkan.

Y. Bhg. Datuk Bandar juga berharap agar semua anggota DBKL sentiasa meningkat mutu perkhidmatan yang diberikan kepada warga kota. Sistem prosedur kerja terus diperkemas bagi mematuhi standard perkhidmatan seperti kecekapan, keberkesanan dan ekonomik di samping menjaga nilai-nilai murni sejagat.



## Rencana Pengarang

Dalam tempoh sebulan dua ini warga kota dan orang ramai berpeluang menyambut berbagai-bagai jenis perayaan, hari kebesaran dan pesta secara silih berganti. Bermula dengan sambutan di ambang tahun baru 2002, diikuti dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan disusuli dengan Sambutan Tahun Baru Cina dan seterusnya Hari Raya Qurban.

Apakah yang boleh dipelajari daripada sambutan-sambutan ini? Bagaimana ia harus dimanfaatkan? Adakah ianya sekadar hari untuk bergembira, beramah mesra dan menjamu selera di samping menjalin silaturrahim dan perpaduan antara kaum?

Memanglah, kalau disorot dengan perasaan halus dan diimbangi dengan rentetan sejarah, sambutan-sambutan hari perayaan ini mempunyai pengertian dan nilainya yang tersendiri. Nilai-nilai yang dapat memperteguhkan ukhwa dan semangat jati diri dan memantapkan peribadi insan sesuai dengan kejadiannya sebagai makhluk sosial yang sering berinteraksi. Norma-norma hidup masyarakat madani yang menjadi paksi kepada peradaban tinggi dapat diterapkan melalui penghayatan terhadap keperluan hidup yang berkualiti dengan suasana aman damai dan harmoni. Kerana mana mungkin warga kota dapat berpesta dan menyambut hari kebesaran kalau kehidupan dilanda kacau bilau, keganasan dan kesusahan.

Maka dengan demikian itu, sambutan-sambutan dan hari kebesaran tidak hanya terhad kepada pengertian yang sempit yang hanya dicirikan oleh sorak sorai, riang ria dan makan minum sahaja. Hari-hari yang sekadar datang dan pergi kemudian ditunggu kehadirannya di tahun yang baru nanti. Tetapi lebih dari itu, selain daripada nilai-nilai murni yang telah disebutkan, acara-acara sambutan juga menjadi projek yang boleh menarik pelancong ke Kuala Lumpur. Budaya dan kesenian antara kaum yang unik dan berbagai-bagai ditambah pula dengan keramahan dan kemesraan rakyat menjadi agenda pelancongan yang sangat memikat.

Namun, harus juga diingatkan bahawa tidak semua warga kota dapat bergembira dan berpesta kerana kesempitan hidup dan masalah lain kadang kala menjadikan mereka terpinggir dan menderita. Oleh itu, bagi kita yang bernasib baik dan mempunyai kelebihan harus tampil membantu dalam apa jua cara yang termampu untuk merealisasikan fenomena masyarakat penyayang dan budaya sukarela di kalangan warga kota.

**SELAMAT MENYAMBUT AWAL MUHARAM  
KEPADA SEMUA PEMBACA ISLAM**

**Khidmat**  
Jabatan Kerja Awam  
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut  
03-2699 3597

Jabatan Seni Tandan & Kawalan Pembersihan Bandar  
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC  
03-4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan  
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok G  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.  
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan  
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.  
03-2691 6011 samb. 3806/3868

Jabatan Pengangkutan Bandar  
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.  
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan  
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,  
Km.4, Jalan Cheras.  
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil  
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.  
03 - 2698 6989

Jabatan Pelesenan  
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama  
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan  
Tingkat Bawah,  
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai  
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.  
03 - 2691 6011

Hotline DBKL  
03-4022 0033  
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)  
03-9284 3636/9284 3434  
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam  
Bhg. Hal Ehwal Awam  
03-2699 3852

**Hari Mesra Pelanggan  
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)  
9.00 pagi - 12 tengahari**

Pegawai Bertugas  
Muhamad Bin Wahab Tel : 03-2697 7097

### Jurufoto


Mubarak Bin Mohd. Alan  
Abd. Khani Bin Md. Shohor  
Md. Ismail Bin Isnin

### Cetakan

Unit Repografi  
Jabatan Pengurusan Organisasi  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

### Alamat Editor

**Beila Bandaraya**  
Bahagian Hal Ehwal Awam  
Jabatan Pengurusan Organisasi  
Tingkat 5, Bangunan DBKL  
Atau berhubung dengan  
**Suriyana Binti Ismail**  
Tel: 03-2691 6011 samb. 3851  
Faks : 03-2698 0460  
E-mel : akhbar@dbkl.gov.my



Sidang Redaksi

### Penasihat

Hj. Hasmah Binti Othman

Penaja Editor

Zainal Abidin Bin Hj. Mohd. Zain

Sapriah Binti Ibrahim

Sub Editor

Hanim Binti Hj. Hashim  
Suriyana Binti Ismail





Untuk memasang menara telekomunikasi, pemaju/pemilik perlu mendapat kelulusan pembangunan daripada Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (JPKB,DBKL), mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan.

Struktur menara telekomunikasi hanya dibenarkan dipasang pada bangunan-bangunan komersial dan yang sejenis dengannya sahaja. Bangunan-bangunan dari kategori kediaman atau separa kediaman seperti rumah kedai adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jarak minimum yang dibenarkan untuk pemasangan menara tersebut ialah tidak kurang daripada 150 meter daripada mana-mana bangunan sediaada.

Pemaju / Pemilik menara telekomunikasi yang mahu

mendirikan menara telekomunikasi perlu mengemukakan permohonan kepada JPKB,DBKL dan setelah mendapatkan kelulusan barulah pemasangan menara tersebut boleh dilakukan. Pemasangan yang tidak mengikut peraturan adalah meyalahi undang-undang dan tindakan bersekongkol akan dikenakan.

Jika pemasangan dilakukan tanpa kebenaran atau kelulusan DBKL, notis penguatkuasaan akan dikeluarkan supaya pemaju/pemilik menara telekomunikasi memberhentikan kerja-kerja pembinaan dengan serta merta. Pemaju/Pemilik menara berkenaan juga diminta untuk merobohkan struktur yang telah dibina serta membersihkan tapak daripada debris runtunan.

Sekiranya pemaju/pemilik menara telekomunikasi gagal mematuhi notis yang telah dikeluarkan, DBKL akan meroboh menara berkenaan dan kos yang terlibat akan dikenakan ke atas pemaju/pemilik menara telekomunikasi berkaitan.

## Operasi Tunda Di Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mula melaksanakan operasi tunda kenderaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada April 2000. Matlamat utama tindakan ini dilaksanakan adalah mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas. Hasil daripada tinjauan yang telah dibuat, 60% kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur berlaku adalah akibat sikap pemandu yang menunggu di tepi jalan dan double parking.

Sebanyak empat kontraktor tunda kenderaan telah diberi kontrak oleh DBKL untuk menunda kenderaan yang menimbulkan masalah lalu lintas.

Tindakan DBKL menunda kenderaan

kenderaan yang melakukan kesalahan bukanlah untuk mendenda orang ramai sesuka hati, tetapi lebih kepada mendidik dan melatih orang ramai agar lebih prihatin dengan masalah kesesakan lalu lintas di ibu kota. Y. Bhg. Kol. Datuk Mohmad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur telahpun memaklumkan bahawa DBKL akan lebih mesra rakyat dalam menangani masalah ini.

Dalam melaksanakan konsep mesra rakyat ini, Datuk Bandar juga menyatakan jika tatkala penundaan hendak dilakukan, tuannya punya kenderaan hadir, maka kenderaan tersebut dipisahkan dari penundaan dengan syarat kenderaan tersebut dibawa beredar dari situ. Kontraktor-kontraktor tunda telahpun diberitahu akan perkara ini.

**Pertanyaan & aduan :**  
**Jabatan Pengangkutan Bandar**  
**Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**  
**Tingkat 19, Menara Tun Razak,**  
**Jalan Raja Laut 50350**  
**Kuala Lumpur**  
**Tel : 03-2691 0555**  
**Faks : 03-2692 9345**

Jika terdapat aduan atau laporan kontraktor tunda ini tidak bertimbang rasa, berkemungkinan kontrak mereka akan ditamatkan.

Kadar denda yang dikenakan masih tidak berubah iaitu kompaun sebanyak RM300, caj tunda RM50 dan caj stor RM5 sehari.

Datuk Bandar Kuala Lumpur merayu kepada orang ramai supaya lebih bertimbang rasa kepada pengguna jalan raya yang lain.

